



**LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
(KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA MALAYSIA)**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **warganegara Malaysia** yang berkelayakan dan **berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh iklan ditutup** bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

- 1. JAWATAN : PERSONEL MySTEP**
- KELAYAKAN : **Setaraf Ijazah Sarjana Muda**
- TEMPOH KONTRAK : **Mulai Tarikh Lapor Diri hingga 31 Disember 2025**
- PENEMPATAN : **Ibu Pejabat, Tourism Malaysia**
- KADAR UPAH : **RM2,100.00 sebulan**
(Termasuk caruman kepada KWSP dan PERKESO)

2. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) **Ijazah Sarjana Muda** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (ii) Berpengetahuan dan berkemahiran menggunakan perisian asas Microsoft Office (Word, Excel, PowerPoint, Teams dan lain-lain) serta *editing software* untuk penghasilan *content* media sosial (Canva, CapCut, Adobe Lightroom);

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

- 4.1 Membantu pegawai-pegawai bagi menyelaras persediaan semua program promosi yang telah dirancang bagi tahun 2025;
- 4.2 Membantu dalam penyediaan & pengemaskinian laporan-laporan berkaitan seperti membantu penyediaan laporan mingguan, program atau dan aktiviti;
- 4.3 Membantu membuat Risikan Pasaran berkenaan promosi bagi penyediaan laporan risikan pasaran untuk melihat keberkesanan promosi dan mencari strategi baru;
- 4.4 Membantu menyedia dan menyelaras mesyuarat-mesyuarat berkaitan bagi tujuan pembentangan kepada pihak pemain industri dan Pengurusan Tertinggi TM;
- 4.5 Menjalankan tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa mengikut keperluan Bahagian.

5. ARAHAN DAN CARA MEMOHON

Permohonan adalah secara dalam talian melalui *Tourism Malaysia Recruitment System*. Berikut adalah panduan ringkas bagi memohon:

- a) Log in dipautan:
<https://tourism-recruit.senanqhr.com/>
- b) Pendaftaran Akaun Baharu > Lengkapkan Maklumat Pendaftaran > Tetapkan **Kata Laluan** > klik butang **Daftar Akaun**.
- c) Setelah pendaftaran berjaya, log masuk dan pemohon boleh ke langkah seterusnya dengan melengkapkan maklumat serta memuat naik dokumen berdasarkan senarai semak seperti yang dikehendaki.
- d) Pilih jawatan yang ingin dimohon.
- e) Gambar yang dimuat naik hendaklah menggunakan gambar passport terkini. **Selain daripada gambar passport tidak dibenarkan.**
- f) **Bagi pemegang Diploma daripada Institut Pengajian Tinggi Swasta/Luar Negara, perlu mengemukakan sesalinan pengiktirafan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pemohon boleh melayari laman web <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/>**
- g) Tarikh tutup permohonan ialah pada **29 Ogos 2025 (Jumaat)**.

6. CATATAN AM

- a) Calon yang berjaya melepassi tapisan kelayakan akan dimaklumkan **secara rasmi** melalui e-mel.
- b) Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh **tiga (3) hingga enam (6) bulan** selepas daripada tarikh iklan ditutup, permohonan tuan/puan adalah dianggap **tidak berjaya**.
- c) Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan melalui e-mel kepada pelantikan@tourism.gov.my

***** SEKIAN, TERIMA KASIH *****

SENARAI SEMAK & SERAH DOKUMEN PERMOHONAN JAWATAN

Pemohon hendaklah memuat naik dokumen-dokumen **mengikut susunan berikut**:

BIL	PERKARA	ADA / TIADA	CATATAN
1	Salinan Kad Pengenalan (Hendaklah dipalang dua (2) garisan lurus dan ditulis “ KEGUNAAN TOURISM MALAYSIA SAHAJA ”)		
2	Salinan Sijil Kelahiran		
3	Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)		
4	Salinan Sijil Ujian Lisan BM Peringkat SPM <i>(sekiranya berkenaan)</i>		
5	Salinan Sijil Tamat Persekolahan Menengah		
6	Salinan STPM/STAM/Sijil Pertanian/Sijil Matrikulasi KPM/Sijil Khas/Diploma dan Transkrip Akhir/Ijazah dan Transkrip Akhir <i>(mana yang berkenaan)</i>		
7	Salinan Pengiktirafan oleh JPA bagi Sijil Khas/ Diploma/Ijazah yang diberikan oleh badan pendidikan swasta <i>(sekiranya berkenaan)</i>		
8	Dihadkan lima (5) sijil kegiatan sukan atau ko-kurikulum yang difikirkan terbaik		

ARAHAN:

- a) Salinan sijil perlulah **diakui sah benar** oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional.
- b) Ke semua dokumen di atas hendaklah **dimuat naik** semasa permohonan dibuat.
- c) Sekiranya **permohonan ini tidak lengkap atau tidak memenuhi kriteria** yang telah ditetapkan, Tourism Malaysia berhak untuk **tidak mempertimbangkan permohonan ini**.